

5226

Tasawwur Islam

November

2022

$2\frac{1}{2}$ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022 TASAWWUR ISLAM

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.*
3. *Tulis jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan dalam kertas ini.*
4. *Tulis jawapan anda untuk **Bahagian B** di kertas yang disediakan..*

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga soalan 4

Tulis istilah yang betul bagi pernyataan berikut.

- 1 Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal seperti alam barzakh.
- 2 Unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat.
- 3 Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlandung dalam sebuah negara Islam.
- 4 Individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengurus dan mentadbir dunia mengikut syariat Allah SWT.

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang disediakan di bawah.

asabiyah	bersyukur	berzikir	sah	beribadah	perpaduan
----------	-----------	----------	-----	-----------	-----------

- 5 Manusia diciptakan bertujuan untuk _____ kepada Allah SWT.
- 6 Orang yang _____ sentiasa menghargai pemberian Allah SWT sama ada ketika senang atau susah.
- 7 Islam mensyariatkan perkahwinan untuk melahirkan zuriat yang _____
- 8 Akidah Islamiah dijadikan pegangan dalam urusan pentadbiran menggantikan semangat _____

Soalan 9 dan soalan 10

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Jadual 1 berkaitan dengan prinsip pandangan hidup Islam.

Prinsip Pandangan Hidup Islam	Keterangan
T	Sarwajagat iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa,tempat dan zaman.
U	Luwes atau anjal iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya.

Jadual 1

9 **T** ialah _____

10 **U** ialah _____

Soalan 11 dan Soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah ini dengan jawapan yang betul.

Jadual 2 di bawah berkaitan dengan klasifikasi hukuman jenayah dalam Islam

Kesalahan	Keterangan
V	Disebat 40 kali
W	Dibunuh

Jadual 2


11 **V** ialah _____

12 **W** ialah _____

Soalan 13 hingga soalan 15

Tulis jawapan yang betul bagi melengkapkan carta di bawah pada ruangan kosong yang disediakan.

Rajah 1 di bawah merujuk kepada matlamat perundangan Islam.



Rajah 1

13 X ialah _____

14 Y ialah _____

15 Z ialah _____

Soalan 16 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (✕) pada pernyataan yang salah.


- | | | |
|-----------|--|--------------------------|
| 16 | Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW. | ☐ |
| 17 | Kebijaksanaan akal manusia tidak mampu memikirkan perkara ghaib. | ☐ |
| 18 | Antara ciri muamalat Islam ialah adil kepada sebelah pihak sahaja. | ☐ |
| 19 | Pengabaian pelaksanaan sistem perundangan Islam akan merosakkan akidah seperti perkara syirik, kufur dan sebagainya. | ☐ |
| 20 | Seseorang hakim mesti dilantik dalam kalangan orang kaya supaya beliau tidak mudah melakukan amalan rasuah. | ☐ |

Bahagian B

(80 Markah)

Jawab **empat** soalan sahaja

- 1 (a) (i) Senaraikan **dua** rukun Iman. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan mengamalkan sifat ihsan dalam kehidupan. [4 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** sifat wajib bagi rasul selain as-Siddiq. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** sumber utama sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan pekerjaan yang haram terhadap negara. [4 markah]



Gambar di atas menunjukkan situasi proses pembelajaran tanpa guru

- (c) Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya situasi di atas diamalkan dalam kehidupan. Berikan pendapat anda. [6 markah]
- 2 (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan insan? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. [4 markah]
- (iii) Senaraikan **dua** perkara yang boleh merosakkan akal. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud perundangan Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan sekiranya pemerintah mengabaikan pelaksanaan sistem perundangan Islam dalam kehidupan. [4 markah]



Poster di atas menunjukkan amaran tentang kegiatan penipuan atas talian yang mengakibatkan kerugian wang ringgit kepada mangsa yang terlibat

- (c) Merujuk perkara di atas, bincangkan tindakan untuk mengelak daripada ditipu. [6 markah]

- 3 (a) (i) Apakah maksud hak asasi manusia? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan cara memupuk sifat mahmudah dalam diri. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud pentadbiran. [2 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan mentadbir dan mengurus mengikut syariat. [4 markah]

KUALA LUMPUR : Kajian Malaysians Againt Pornografi (MAP) pada 2018 mendedahkan data amat mengejutkan apabila kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia antara 10 hingga 17 tahun telah menonton pornografi secara sengaja.

Berita Harian Online Mac 23, 2019 @ 7 : 44 pm


- (c) Berita di atas mendedahkan permasalahan yang berlaku terhadap kanak-kanak. Bagaimanakah ibubapa dapat mengawal tingkah laku anak-anak agar tidak terlibat dengan perkara tersebut?
Huraikan pendapat anda. [6 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** bahagian akhlak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan akhlak terhadap individu. [4 markah]
- (b) Terangkan keistimewaan prinsip pandangan hidup Islam dalam kehidupan manusia. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan **empat** jenis muamalat Islam. [4 markah]
- (ii) Jelaskan matlamat muamalat Islam. [2 markah]

Ariffuddin berasa tidak puas hati kerana barangan yang diperoleh tidak serupa dengan pesanan yang dibuat melalui aplikasi atas talian.

- (iii) Berdasarkan situasi di atas, apakah yang perlu dilakukan oleh Ariffuddin mengikut muamalat Islam?
Kemukakan pandangan anda. [6 markah]

- 5 (a) (i) Nyatakan maksud hamba. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab manusia sesama manusia. [4 markah]
- (iii) Nyatakan kepentingan wahyu dalam memelihara akal. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud kehakiman menurut syarak. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kewajipan mematuhi tuntutan pelaksanaan kehakiman Islam. [4 markah]



- (c) Peristiwa Nuzul Quran merupakan peristiwa turunnya ayat al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW. Bagaimanakah anda menjadikan penghayatan al-Quran sebagai satu tabiat dalam kehidupan?
Bincangkan. [6 markah]

- 6 (a) (i) Apakah maksud kesenian Islam? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep kesenian menurut Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan cara mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan hiburan yang melalaikan. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** prinsip negara Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** syarat untuk menjadi seorang khalifah. [4 markah]

Walaupun banyak drama yang menonjolkan tema keinsafan, namun masih ramai pelakon yang tidak menjaga batas aurat ketika memainkan watak masing-masing.

- (c) (i) Adakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas? [1 markah]
- (ii) Berdasarkan jawapan anda pada c(i), mengapakah anda berpendapat sedemikian? Huraikan. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT